

16/09/1998

Kempen dana buku kurang sambutan

Rusnita Pechok

MATLAMAT Dana Buku Kebangsaan yang meletakkan sasaran mengumpul sebanyak 1.5 juta naskhah buku menjelang akhir tahun ini sukar dicapai berikutan sambutan kurang menggalakkan terhadap kempen yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 5 Ogos lalu.

Usaha mewujudkan dana itu dibuat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Bahagian Kemaajuan Masyarakat (Kemas) dengan kerjasama Petronas dan Pos Malaysia untuk membantu kerajaan mewujudkan 1001 pusat bacaan di seluruh negara.

Pegawai Perpustakaan Kemas, Zulkifli Abd Samad, berkata setakat ini dana terbabit hanya menerima 15 peratus bahan bacaan dari pusat pengumpulan di seluruh negara sehingga penghujung Ogos lalu.

Bagaimanapun katanya, sumbangan semakin menggalakkan sejak pihak Kemas mempergiatkan kempen ke peringkat daerah dan kawasan baru-baru ini.

"Pihak urus setia juga sedang berusaha mendapatkan sumbangan secara pukal daripada agensi dan syarikat swasta, terutamanya penerbit buku," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, pujian harus diberikan kepada sesetengah agensi yang giat mengumpulkan bahan bacaan daripada kakitangan masing-masing untuk disumbangkan kepada dana terbabit.

"Misalnya, baru-baru ini Pengetua Sekolah Menengah Sri Hartamas, Kuala Lumpur mengadakan majlis penyerahan lebih 500 buku yang disumbangkan oleh pelajar sekolah itu," katanya.

Menurutnya, selain stesen Petronas dan Pos Malaysia, orang ramai boleh menyalurkan sumbangan mereka kepada Pusat Kegiatan Kemas negeri.

Sementara itu, Pengarah Pembangunan Manusia, Kemas, Ibrahim Narek, berkata sebahagian daripada bahan bacaan yang diterima sudah dihantar ke pusat bacaan, manakala sebahagian yang lain masih lagi disimpan di pusat pengumpulan.

Katanya, bahan bacaan yang sudah dihantar meliputi bacaan ringan seperti komik dan buku panduan, manakala yang masih disimpan kebanyakannya buku berbentuk ilmiah.

"Sumbangan buku berbentuk ilmiah agak terhad berbanding buku jenis lain, jadi kita tidak boleh tergesa-gesa menentukan tempat yang sesuai," katanya.

Menurut Ibrahim, pihaknya bercadang untuk mengadakan majlis penyerahan buku sumbangan secara pukal oleh beberapa agensi dan syarikat penerbitan tidak lama lagi.

Katanya, sumbangan itu belum dikenal pasti jumlahnya kerana ada agensi menjanjikan sumbangan mengikut nilai seperti sumbangan sehingga RM10,000 dan ada pula yang menjanjikan sumbangan mengikut pakej iaitu iaitu satu pakej bagi setiap pusat.

Beliau juga melahirkan rasa kecewa di atas sikap ketidakpekaan masyarakat dalam usaha menyumbang kepada dana terbabit yang dibuat untuk memberi lebih ramai rakyat negara ini memperoleh bahan bacaan secara percuma.

"Rakyat sepatutnya sedar bahawa sumbangan buku itu adalah untuk meluaskan budaya membaca dan menjayakan perkongsian ilmu di kalangan masyarakat," katanya.

Katanya, sikap menyifatkan masih banyak masa untuk menyumbang serta terlupa membawa buku ke pusat serahan juga perlu dikikis demi menjayakan kempen itu.

Menurut Ibrahim, setiap negeri menggunakan pendekatan masing-masing untuk memenuhi sasaran pengumpulan bahan bacaan itu.

"Urus setia peringkat Negeri Sembilan contohnya, bersikap lebih proaktif dengan mengadakan kutipan dari rumah ke rumah bagi menambahkan sumbangan," katanya.

Beliau berharap lebih banyak pihak menghulurkan derma buku untuk berkongsi ilmu dalam usaha menghasilkan masyarakat berbudaya membaca.

(END)